

26 FEB 2000

Mahathir-Budaya

BUDAYA DAN NILAI SESUAI BOLEH TUKAR BANGSA MUNDUR JADI MAJU

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bangsa yang mundur boleh menjadi maju sehingga dapat menguasai dunia apabila diserapkan dengan budaya dan nilai-nilai yang sesuai.

Hakikatnya ialah semua bangsa mempunyai keupayaan yang sama dan tidak ada bangsa atau keturunan etnik yang lebih mampu daripada yang lain.

"Jika nilai dan budaya itu tidak baik, bangsa itu boleh menukarnya dengan yang baik jika ingin memulihkan kemajuan bangsa," katanya ketika merasmikan Kongres Profesional Muda Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau memberi contoh bagaimana kaum jahiliah yang menerima nilai-nilai mulia dan baik daripada Islam mampu muncul sebagai bangsa yang bermaruah dan bertamadun tinggi.

Dr Mahathir berkata bangsa Melayu tidak berjaya sekarang walaupun mereka beragama Islam kerana mereka tidak mengamalkan ajaran agama yang sebenar.

"Kita bersaudara tetapi sering mempersoalkan keIslaman orang Islam lain. Kita tidak tertib dan tidak pegang kepada ikrar kita. Kita suka mendengar dan mempercayai fitnah yang dibawa oleh orang berkepentingan. Dengan itu walaupun kita beragama Islam kita tidak berjaya, tidak menjadi orang yang mulia," katanya.

Dr Mahathir berkata orang Melayu baru muncul 42 tahun sebagai bangsa yang bertamadun moden dan masih belum matang tetapi malangnya sudah ada tanda-tanda tamadun muda ini akan merosot dengan cepat.

Katanya banyak yang percaya bangsa Melayu tetap akan kekal memerintah negara dengan perlindungan dan usaha dibuat untuk memajukan bangsa berkenaan.

"Dengan kepercayaan ini, kita mula kembali kepada budaya lama kita, budaya mudah berpuas hati, budaya merebut kuasa dan bermusuhan sesama sendiri. Jika penukaran budaya ini tidak dibendung, tamadun moden yang baru kita dirikan akan runtuh.

"Memandangkan bahawa ianya hanya berusia 40 tahun, mungkin tidak akan ada apa-apa peninggalan yang bermakna. Akan sia-sia sahajalah usaha yang dibuat selama empat dekad kemerdekaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi kepercayaan keterlaluan kepada demokrasi sudah membawa perubahan dalam sistem nilai dan budaya masyarakat Melayu dengan ketertiban, kesopanan, disiplin dan semangat kebangsaan sudah diganti dengan budaya liberal dan kebebasan diri tidak terhad anjuran Barat.

Perdana Menteri berkata walaupun perjuangan untuk pembaharuan perlu dilakukan sepanjang masa, ia hendaklah dibuat ke arah kebaikan dan sebarang perubahan perlulah dinilai dengan teliti sebelum ianya dilaksanakan.

Dr Mahathir turut menyentuh kedudukan ekonomi orang Melayu dan usaha Barat untuk mengatur ekonomi dunia melalui apa yang dipanggil era globalisasi.

Beliau berkata walaupun kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi baru (DEB) dulu, masih ramai Bumiputera yang gagal dalam persaingan dengan kaum lain yang lebih pintar termasuk di bidang perniagaan dan perusahaan.

Dasar membantu Bumiputera masih diperlukan dan beliau yakin dengan penerusan dasar ini, orang Melayu akhirnya akan dapat menyaingi kaum lain tanpa bantuan kerajaan.

Mengenai globalisasi, Perdana Menteri berkata konsep itu dicipta kerana kapitalis asing nampak perkembangan teknologi telekomunikasi boleh diperalatkan untuk memonopoli semua kegiatan dagangan di seluruh dunia dan melaluinya, bidang politik.

Dr Mahathir berkata ungkapan seperti pasaran bebas, dunia tanpa sempadan dan keadaan persaingan sama rata tidak perlu ditolak hanyalah kerana ia dicipta bangsa-bangsa yang pernah menjajah negara.

Bagaimanapun, konsep-konsep itu perlu difahami dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang rapuh, mempunyai ketidakseimbangan pembangunan ketara antara kaum dan belum mampu bersaing dalam kebanyakan bidang dan perusahaan.

"Sudah tentu jika kita menerima persamaan layanan kepada semua pihak sama ada daripada dalam atau luar negara seperti yang disarankan mereka, kita tidak boleh membezakan layanan antara kaum seperti yang diperuntukkan oleh DEB...yakinkah kita akan kebolehan kita tanpa sebarang perlindungan daripada kerajaan yang bersimpati dengan kita?" tanya beliau.

Pada sesi soal jawab dengan kira-kira 1,200 peserta kongres itu kemudian, Dr Mahathir berkata kejayaan dalam apa juga bidang seperti perniagaan hanya boleh dicapai jika orang Melayu menggabungkan pengetahuan dengan penerapan budaya yang sesuai.

Menurutnya mereka juga perlu membina kredibiliti untuk kekal dalam bidang yang diceburi dan ini termasuk menepati janji, membayar pinjaman yang diambil dan jujur dalam urusan harian.

"Kita hendakkan bangsa kita memupuk budaya memberikan khidmat sebelum mendapat apa-apa bayaran supaya kita tidak terhutang budi kepada sesiapa," katanya.

Dr Mahathir berkata prinsip tidak suka meminta-minta inilah yang membolehkan Malaysia menegur pihak atau negara lain yang difikirkan melakukan sesuatu yang tidak betul.

Masyarakat Melayu juga perlu mengikis budaya hendak cepat kaya termasuk menerusi amalan "Ali Baba", katanya.

Kongres dua hari bertemakan "Profesionalisme Melayu Mengharungi Cabaran K-Ekonomi" itu ialah anjuran Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara).

-- BERNAMA

MAM MK RON